

MAHATHIR - JEPUN 2,2,2,  
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 22 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA AKAN SENTIASA MENGAKUI PERLUNYA DIADAKAN PERSEFAHAMAN BERSAMA DAN KERJASAMA DALAM MEMPERKUKUHKAN PERHUBUNGAN EKONOMI DENGAN RAKAN-RAKAN PERDAGANGAN TERMASUK JEPUN.

DALAM SATU PERUTUSAN YANG DIBACAKAN OLEH DUTA BESAR MALAYSIA DI TOKYO, DATUK JAMALUDDIN ABU BAKAR, DI PERASHIAN MESYUARAT BERSAMA KEENAM PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA (JAMECA) DI IBUNEGARA JEPUN ITU, PERDANA MENTERI MENYATAKAN KEGEMBIRAANNYA BAHAWA JEPUN BERSEPENDAPAT DENGAN MALAYSIA DALAM HUBUNGAN ITU.

SEBUAH KAWAT YANG DITERIMA DI SINI DARI TOKYO MENYATAKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGENANGKAN LAWATANNYA KE JEPUN BARU-BARU INI DI MANA BELIAU TELAH MENGGESA PARA PEMIMPIN PERINDUSTRIAN JEPUN SUPAYA MEMPERTINGKATKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI DI MALAYSIA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA JANGKA PANJANG KE ARAH MEMPERKUATKAN PERTALIAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

"MALAYSIA BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN JEPUN KERANA BERSETUJU DENGAN PERMINTAAN MALAYSIA UNTUK PINJAMAN KHAS BERJUMLAH 50,000 JUTA YEN DI SAMPING IKRARNYA UNTUK 21,000 JUTA YEN BAGI KREDIT YEN YANG KESEMBILAN," KATANYA. -- LAGI 1630/MB

ZCZC B611

MAHATHIR - JEPUN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN KREDIT YEN KHAS TERSEBUT SEBAGAI BANTUAN YANG PENTING MEMANDANGKAN KESULITAN YANG DIHADAPI MALAYSIA AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI.

"MALAYSIA TELAH MENERIMA KREDIT YEN DARIPADA KERAJAAN JEPUN SEJAK PERTENGAHAN TAHUN-TAHUN ENAM PULUHAN. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA JEPUN AKAN TERUS MENGHULURKAN BANTUAN DAN KERJASAMA KEPADA MALAYSIA DALAM USAHA PEMBANGUNAN KITA."

PERDANA MENTERI JEPUN YASUHIRO NAKASONE DALAM PERUTUSAN YANG SERUPA MENEGASKAN HASRAT NEGARANYA HENDAK MELAKUKAN APA SAHAJA YANG BOLEH UNTUK MEMBANTU PEMBANGUNAN MALAYSIA.

MENGENAI LAWATAN YANG BAKAL DILAKUKANNYA KE MALAYSIA, BELIAU BERKATA BELIAU INGIN BERJUMPA LAGI DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN MELIHAT SENDIRI PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA. -- BERNAMA 1705/MB